



*Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat  
Universiti Malaya*

# TOOLS FOR JAWI CHARACTER RECOGNITION

Perpustakaan SKTM

Oleh:

**NURAINIL MOHD MUSTAPA**  
**WEK 000 278**

PENASIHAT: EN ZAIDI RAZAK  
MODURATOR : EN YAMANI IDNA IDRIS

## **TOOL FOR JAWI CHARACTER RECOGNITION**

**NURAINIL MOHD MUSTAPA  
WEK 000 278**

**PENASIHAT : EN ZAIDI RAZAK  
MODURATOR : EN YAMANI IDNA IDRIS**

## ABSTRAK

Jika kita lihat secara rambang, pengecaman imej digital adalah kajian yang telah banyak diterokai oleh ahli-ahli profesional dan para pengkaji dalam bidang pekomputeran. Kajian ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pemahaman bahasa dan sebagainya. Kepelbagaian bahasa dan tulisan yang wujud pada tamadun manusia ini telah menarik ramai pengkaji untuk mengkaji dengan lebih mendalam bagaimana komputer mampu dan boleh mengenali dan memahami tulisan tanpa perlu menggunakan tenaga manusia. Kajian-kajian ini adalah perlu untuk tujuan pengecaman tulisan amnya dan keseragaman proses penterjemahan khususnya. Hari demi hari teknologi yang semakin canggih dan berkembang maju telah digunakan bagi melengkapkan kajian yang sedia ada bagi mencapai matlamatnya.

Oleh yang demikian, Tuhan telah membuka pintu hati ini untuk mengkaji bagaimana proses ini berlaku dalam dunia digital. Tulisan bangsa Melayu telah dijadikan bahan kajian untuk mengkaji bagaimana imej bagi tulisan Jawi dapat dipecahkan kepada aksara-aksara tunggal. Kajian ini amat penting memandangkan proses penterjemahan yang dilakukan sekarang terhadap manuskrip-manuskrip, kitab-kitab ilmu, dan bahan-bahan yang berkaitan amat sukar memandangkan tulisan Jawi zaman dahulu tidak seragam dengan tulisan Jawi moden yang digunakan kini. Selain daripada itu, kekurangan tenaga pakar serta keputusan penterjemahan yang tidak selaras dan masa yang terlalu lama diambil bagi menterjemahkan sesuatu dokumen menjadi sebab utama kepada wujudnya kajian ini.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya menadah seribu kesyukuran kepada Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah kurnia, petunjuk, dan izin-Nya dapat saya menyiapkan Projek Ilmiah Tahap Akhir (WXES 3182) yang bertajuk '*Tool for Jawi Character Recognition*' yang berasaskan kepada Projek Ilmiah Tahap Awal. Segala kesukaran yang mendalam yang dihadapi sepanjang meyiapkan projek ini tidak dapat diatasi tanpa adanya usaha bersungguh-sungguh, doa, serta bimbingan pelbagai pihak. Kesabaran yang tinggi, kemahiran berfikir, dan pengorbanan amatlah diperlukan untuk menjayakan projek ini.

Dengan ini, saya ingin memberi setinggi penghargaan kepada yang terutama iaitu penasihat saya yang saya hormati, **Encik Zaidi Razak** dan modurator saya, **Encik Yamani Idna Idris** yang telah memberi banyak tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya dalam menjayakan projek ini. Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut menghulur tangan dalam penghasilan projek ini iaitu **Nur Hasinah Hassan, Nornita Adila Mustafa, Suzylarina Samsudin, Hazrin Ahmad, dan Razman Abdul Ghani** di atas komitmen, kerjasama, dan sumbangan pengetahuan yang diberikan. Tidak lupa kepada ibu bapa saya serta mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

Akhir kata, di harap projek ini dapat memberi manfaat kepada semua. Sekian, terima kasih.

# KANDUNGAN

ABSTRAK.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
KANDUNGAN.....	iii
SENARAI RAJAH.....	vii
SENARAI JADUAL.....	xi

## BAB 1 – PENGENALAN

1.1 PENGENALAN.....	1
1.2 OBJEKTIF.....	3
1.3 SKOP OBJEKTIF.....	4
1.4 JADUAL PERANCANGAN PROJEK (CARTA GANTT).....	5

## BAB 2 – METODOLOGI

2.1 PENGENALAN KEPADA JAWI.....	6
2.2 SEJARAH.....	7
2.3 KAJIAN SEDIA ADA.....	8
2.3.1 KAJIAN 1 .....	8
2.3.2 KAJIAN 2.....	11

## BAB 3 – ANALISA SISTEM

3.1 ANALISA SISTEM.....	13
3.2 KEPERLUAN FUNGSIAN.....	15

3.3	KEPERLUAN BUKAN FUNGSIAN.....	16
3.4	KEPERLUAN PERKAKASAN DAN PERISIAN.....	17
3.4.1	KEPERLUAN PERKAKASAN.....	17
3.4.2	KERPERLUAN PERISIAN.....	17

## **BAB 4 – REKABENTUK SISTEM**

4.1	REKABENTUK SISTEM.....	18
4.1.1	PENDIGITALAN IMEJ.....	19
4.1.2	PRA-PEMPROSESAN.....	19
4.1.2.1	PENGURANGAN GANGGUAN.....	19
4.1.2.2	PENINGKATAN KUALITI IMEJ.....	20
4.1.3	PENSEGMENAN.....	22
4.1.4	PENGECAMAN.....	22
4.1.4.1	PANGKALAN PENGETAHUAN.....	24
4.1.5	KEPUTUSAN.....	25
4.2	REKABENTUK ANTARAMUKA.....	26

## **BAB 5 – ALGORITMA PENGECAMAN**

5.1	ALGORITMA PENGECAMAN.....	30
5.2	PEMPROSESAN IMEJ.....	31
5.2.1	Membuka fail dan memaparkan imej aksara jawi.....	31
5.2.2	Pengurangan gangguan menggunakan penapis <i>median</i> .....	31
5.2.3	Proses threshold.....	31

5.2.4	Proses thinning.....	31
5.3	PROSES PENSEGMENAN.....	31
5.4	PENGECAMAN IMEJ.....	34
5.4.1	Pembacaan kod rantaian.....	34
5.4.2	Run length coding.....	45
5.4.3	Pengecaman bit.....	46

## BAB 6 – PENGUJIAN SISTEM

6.1	PENGUJIAN SISTEM.....	48
6.2	PEMPROSESAN IMEJ.....	48
6.2.1	Pendigitalan Imej.....	48
6.2.2	Pengurangan Gangguan.....	49
6.2.3	Peningkatan Kualiti Imej.....	49
6.2.4	Threshold.....	50
6.2.5	Thinning.....	50
6.3	PROSES PENSEGMENAN.....	51
6.4	PROSES PENGECAMAN.....	53
6.4.1	Pembacaan kod rantaian.....	53
6.4.2	Pembacaan run-length coding.....	57
6.4.3	Pengecaman bit.....	57

## BAB 7 – PERBINCANGAN

7.1	PERBINCANGAN.....	59
-----	-------------------	----

<b>RUJUKAN</b> .....	62
<b>LAMPIRAN</b>	
Rajah 1: Skor Kepuasan pelanggan terhadap faktor-faktor yang berpengaruh pada kepuasan pelanggan.....	10
Rajah 2: Bentuk dan Tingkat kerjaya yang berpengaruh pada kepuasan pelanggan.....	11
Rajah 3: Skor Kepuasan pelanggan terhadap faktor-faktor yang berpengaruh pada kepuasan pelanggan.....	12
Rajah 4: Skor kerjaya yang berpengaruh pada kepuasan pelanggan.....	13
Rajah 5: Skor kerjaya yang berpengaruh pada kepuasan pelanggan.....	14
Rajah 6: Analisis pengaruh pemprediktoran bagi faktor-faktor pelanggan.....	15
Rajah 7: Tajuk sebutan dan setiap peran bantuan maklumat.....	16
Rajah 8: Tajuk sebutan dan peran bantuan maklumat.....	17
Rajah 9: Gantungan tiga variabel kuantitatif.....	18
Rajah 10: Gantungan tiga variabel kuantitatif dengan dua variabel kualitatif.....	19
Rajah 11: Skor kerjaya pelanggan yang berpengaruh pada kepuasan pelanggan.....	20
Rajah 12: Tinggi sebutan dan tinggi bantuan maklumat.....	21
Rajah 13: Tinggi sebutan.....	22
Rajah 14: Tinggi sebutan dan tinggi bantuan maklumat.....	23
Rajah 15: Skor kerjaya pelanggan yang berpengaruh pada kepuasan pelanggan.....	24
Rajah 16: Tinggi sebutan dan tinggi bantuan maklumat.....	25
Rajah 17: Gantungan faktor-faktor pelanggan.....	26
Rajah 18: Tinggi sebutan dan tinggi bantuan maklumat.....	27
Rajah 19: Tinggi sebutan dan tinggi bantuan maklumat.....	28
Rajah 20: Tinggi sebutan dan tinggi bantuan maklumat.....	29

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah 1 : Aksara-aksara Jawi.....</b>	6
<b>Rajah 2 : Huruf Ra dan Dal yang hampir sama.....</b>	10
<b>Rajah 3 : Bentuk huruf ‘Ain ( ﴿ ) yang berlainan kedudukan.....</b>	13
<b>Rajah 4 : Huruf Wau dan Ra yang mempunyai bentuk yang hampir serupa.....</b>	13
<b>Rajah 5 : Huruf Jawi yang mempunyai bentuk yang sama tetapi berbeza bilangan titik.....</b>	14
<b>Rajah 6 : Aliran proses bagi pemprosesan imej tulisan tangan Jawi.....</b>	18
<b>Rajah 7 : Imej sebelum dan selepas proses thinning dilakukan.....</b>	21
<b>Rajah 8 : Tulisan Jawi yang melalui proses segmentasi.....</b>	22
<b>Rajah 9 : Gambarajah lapan arah kod rantaian.....</b>	23
<b>Rajah 10 : Aksara tambahan dicam menggunakan kaedah pengecaman bit.....</b>	24
<b>Rajah 11: Imej huruf ‘ba’ yang akan dijadikan bahan ujian.....</b>	48
<b>Rajah 12: Imej adalah hasil dari fungsi penapis median.....</b>	49
<b>Rajah 13: Imej threshold.....</b>	50
<b>Rajah 14: Imej yang telah melalui fungsi thinning.....</b>	51
<b>Rajah 15: Aksara asas.....</b>	52
<b>Rajah 16: Akasara Tambahan.....</b>	52
<b>Rajah 17: Gambarajah lapan arah kod rantaian.....</b>	53
<b>Rajah 18: Input aksara asas dari modul pensempenan.....</b>	53
<b>Rajah 19: Cara pembacaan sebenar baris dan lajur.....</b>	54
<b>Rajah 20: Cara pembacaan baris dan lajur bagi penentuan titik mula.....</b>	54

<b>Rajah 21:</b> Aksara asas huruf ‘ba’ di mana piksel berwarna kelabu mewakili nilai piksel 0 (imej) manakala piksel berwarna putih mewakili nilai 1. Anak panah merupakan bacaan kod rantaian.....	55
<b>Rajah 22:</b> Nilai piksel-piksel yang mungkin bagi piksel 8-kejiranan.....	55
<b>Rajah 23:</b> Piksel yang berwarna hitam adalah piksel yang tidak mungkin mengandungi imej. Arah anak panah menunjukkan arah-arah seterusnya yang mungkin mengikut bacaan arah jam merujuk kepada Jadual 2.....	57
<b>Rajah 24:</b> Warna kelabu melambangkan imej aksara tambahan yang mewakili dua titik. Nilai 0 dan 1 di dalam piksel melambangkan nilai yang dipegang oleh setiap piksel di mana 0 mewakili warna hitam (imej) dan 1 mewakili warna putih....	58

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual 1:</b> Titik-titik seterusnya yang mungkin bagi mendapatkan arah kod rantaian berdasarkan titik mula.....	56
<b>Jadual 2:</b> Arah seterusnya yang mungkin berdasarkan kepada arah terakhir Dibaca.....	57

## BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 PENGENALAN

Kajian terhadap penerimaan aksara dan objek-objek atau bentuk-bentuk tulisan tangan oleh sesebuah komputer atau character recognition telah lama dilakukan. Perbezaan bahasa dan tulisan hasil daripada negara, bangsa, agama, dan budaya yang berlainan telah menggalakkan ramai pengkaji, pengaturcara, dan juruanalisa sistem menyelami bagaimana komputer digunakan untuk mengenali dan mengecam bahasa-bahasa ini.

Pelbagai karya telah dihasilkan dengan menggunakan tulisan Jawi dalam bidang kesusastraan di Malaysia. Sebelum munculnya Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di Malaysia, tulisan Jawi merupakan teras kepada komunikasi dan penulisan bagi penduduk negara ini. Bukan sahaja buku-buku ditulis dalam tulisan Jawi, malah penggunaannya begitu meluas meliputi semua bidang. Namun, kini tulisan Jawi semakin dikurangkan dalam era moden dan canggih.

Pelbagai bahan ilmiah, monumen-monumen, dan artifek-artifek lama ditulis dalam tulisan Jawi namun sehingga kini masih belum terungkai maksud yang tersirat disebaliknya. Penulisan Jawi pada zaman dahulu hanya menggunakan tulisan tangan berbanding zaman serba moden ini dimana banyak perisian telah dikeluarkan yang mana tulisan Jawi boleh ditemui menggunakan komputer. Ini menyebabkan bentuk tulisan Jawi yang pelbagai dan tidak seragam.

Dengan ini, dengan bantuan tenaga pensyarah maka tercetuslah idea untuk membuat kajian terhadap aksara-aksara Jawi ini dan untuk membina alatan yang lengkap untuk tujuan pengecaman tulisan tangan Jawi. Kerumitan pengecaman tulisan Jawi zaman dahulu akan dapat diatasi dalam kajian ini. Dalam kajian ini, setiap input imej tulisan Jawi yang telah diimbas dengan mesin pengimbas (scanner) akan diteliti dan akan

melalui proses-proses tertentu. Setiap tulisan Jawi yang telah diinput akan melalui proses pengurangan gangguan dan peningkatan kualiti imej sebelum melalui proses pensempanan atau pemecahan input imej tersebut kepada aksara-aksara tunggal. Seterusnya proses pengecaman akan dilakukan di mana komputer akan mengenali dan mengecam input imej tadi untuk mengeluarkan output aksara tunggal.

Semoga dengan adanya kajian ini diharap dapat membantu generasi akan datang dalam proses penterjemahan tulisann tangan Jawi dahulu dan moden kepada bentuk yang lebih mudah difahami. Dengan segala kemudahan dan teknologi yang ada dibantu oleh alat-alat dan perisian sedia ada di pasaran, diharap kajian ini akan mencapai matlamat dan akan berjaya.

## 1.2 OBJEKTIF

Untuk menjayakan projek ini, beberapa objektif telah dikenalpasti:

- ✓ Mengecam imej tulisan tangan Jawi dengan memaparkan sebagai aksara Jawi tunggal.
- ✓ Mendigitalkan imej tulisan tangan Jawi dan seterusnya meningkatkan kualiti imej dan mengurangkan gangguan.
- ✓ Melakukan proses pensempenan dan pemadanan untuk tujuan pengecaman aksara.
- ✓ Membangunkan pangkalan pengetahuan untuk menyimpan kod rantaian (chain code) dan imej digital bagi aksara tertentu.
- ✓ Memudahkan proses pengecaman bagi tulisan tangan Jawi yang kabur dan kurang jelas.

### 1.3 SKOP PROJEK


Skop bagi projek ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- ✓ Pengecaman dilakukan ke atas tulisan Jawi lama dan moden.
- ✓ Pengecaman hanya melibatkan satu patah perkataan Jawi yang diinput sahaja.
- ✓ Pemadanan bergantung kepada pangkalan pengetahuan yang mempunyai aksara asas dan aksara tambahan.
- ✓ Pengecaman dilakukan secara bukan talian-terus (off-line).
- ✓ Saiz imej yang akan diinput ditetapkan sebagai 512 x 512 piksel.

#### 1.4 JADUAL PERANCANGAN PROJEK (CARTA GANNT)

##### AKTIVITI:

- Kajian dan pemahaman terhadap tajuk projek
- Mempelajari perisian Matlab yang akan digunakan.
- Memahami konsep pemprosesan imej secara teori.
- Kajian terhadap metodologi yang digunakan.
- Membuat spesifikasi proses rekabentuk
- Merekabentuk pangkalan pengetahuan
- Pemprosesan terhadap imej digital.
- Membangunkan pangkalan pengetahuan dengan memasukkan aksara yang dipilih.
- Membina aturcara program untuk proses pengecaman.
- Membuat ujian terhadap sistem yang telah dibina.



## 2.1 PENGEMALAN KEPADA JAWA

Secara umumnya, tulisan Jawa adalah tulisan tulisan yang dimisalkan ke dalam tulisan Jawa tidak mempunyai jalinan buku atau keticil, cuman penulisan buku-buku berpedoman akademik-sosialia ditulis secara bergantian bermacam-macam atau berangkatan.

Aksara Jawa adalah tulisan yang dimisalkan ke dalam tulisan Cina, di mana tulisan Jawa dimisalkan ke dalam tulisan berasal dari tulisan Tionghoa. Tulisan ini merupakan tulisan yang dimisalkan ke dalam tulisan Jawa berangkatan, berpedoman akademik-sosialia dan merupakan tulisan yang dimisalkan ke dalam tulisan Cina.

## BAB 2 METODOLOGI

Tulisan ini merupakan tulisan yang dimisalkan ke dalam tulisan Jawa berangkatan, berpedoman akademik-sosialia dan merupakan tulisan yang dimisalkan ke dalam tulisan Cina. Tulisan ini merupakan tulisan yang dimisalkan ke dalam tulisan Jawa berangkatan, berpedoman akademik-sosialia dan merupakan tulisan yang dimisalkan ke dalam tulisan Cina.


Berikut merupakan tiga bukti bahwa tulisan dimisalkan ke dalam tulisan Jawa berangkatan, berpedoman akademik-sosialia dan merupakan tulisan yang dimisalkan ke dalam tulisan Cina.

## 2.1 PENGENALAN KEPADA JAWI

Secara umumnya, tulisan Jawi adalah sejenis tulisan yang ditulis dari kanan ke kiri. Tulisan Jawi tidak mempunyai aksara besar atau kecil, cuma perubahan bentuk kepada aksara-aksara apabila ditulis secara tunggal atau bersambung atau berangkai.

Aksara Jawi adalah berbeza dari satu tulisan lain, seperti tulisan Latin dan tulisan Cina, di mana tulisan Jawi ditulis secara bersambung sama ada dalam bentuk cetakan atau tulisan tangan. Tulisan Jawi mengandungi 28 aksara utama. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada bentuknya berubah bergantung kepada kedudukan sesuatu aksara dalam sesuatu perkataan Jawi. Tambahan pula, sesetengah dari aksara-aksara Jawi ini mempunyai bentuk yang sama tetapi berbeza dari segi aksara tambahan iaitu satu, dua, atau tiga titik di atas atau di bawah aksara berkenaan.

Berikut merupakan 35 huruf Jawi yang digunakan untuk mengeja dan menulis kata-kata Melayu seperti yang ditunjukkan pada *Rajah 1* di bawah.



*Rajah 1 : Aksara-aksara Jawi*

## 2.2 SEJARAH

Mengikut sejarah, tulisan Jawi telah pun berkembang mulai tahun 1303 berdasarkan penemuan batu bersurat yang dijumpai di Terengganu Darul Iman. Dipercayai tulisan Jawi meresap ke dalam kebudayaan orang-orang Melayu bersama-sama dengan kedatangan agama Islam yang dipercayai dibawa oleh pedanggang-pedangan Arab di Gugusan Kepulauan Melayu.

Sebelum kedatangan agama Islam, orang-orang melayu telah mempunyai kebudayaan dan tulisan mereka sendiri yang dipengaruhi oleh unsur-unsur Hindu. Antara contoh tulisan mereka yang terkenal pada masa itu ialah Renchong dan Jawi Kuno atau Kawi.

Tulisan Jawi ialah sejenis tulisan yang dipinjam oleh orang-orang melayu daripada tulisan Arab. Nama Jawi ini berasal daripada bahasa Arab "Jawah". Apabila ditukarkan kepada kata adjektif Jawah menjadi Jawi. Istilah Jawi ini hanya dikenali di Malaysia, Thailand Selatan, Singapura dan Brunei. Di Indonesia tulisan ini dikenali dengan "tulisan Melayu huruf Arab". penggunaan tulisan jawi (atau istilah yang semakna dengannya) digunakan di banyak tempat di Asia Tenggara. Tulisan ini bukan sahaja digunakan oleh orang-orang Melayu untuk bahasa Melayu tetapi juga untuk suku-suku bangsa Melayu yang lain seperti suku bangsa Melayu Champa di Indo China, Patani di Thailand Selatan, Jawa, Banjau, Aceh Minangkabau, Bengkulu dan lain-lain.

## 2.3 KAJIAN SEDIA ADA

Untuk menjayakan projek ini, beberapa kajian telah dijalankan ke atas beberapa kajian terdahulu yang mempunyai persamaan dengan projek pengecaman tulisan Jawi. Antara kajian yang mempunyai persamaan dengan pengecaman aksara adalah bahasa Cina, bahasa Jepun, bahasa Arab, dan banyak lagi. Kajian terhadap pengecaman bahasa Arab tidak kurang banyaknya. Maka untuk mendapatkan metod yang sesuai bagi kajian ini, beberapa kajian terdahulu telah dikaji.

Oleh yang demikian, beberapa kajian telah dipilih untuk mengaplikasikan kaedah dan metod yang digunakan.

### 2.3.1 KAJIAN 1

Tajuk : Segmentation and Recognition of Arabic Characters by Structural Classification

Kajian oleh : B.M.F. Bushofa, M.Spann

## METODOLOGI YANG DIGUNAKAN

Dalam kajian ini, proses pengecaman mempunyai beberapa langkah iaitu pepohon keputusan. Dalam kaedah ini, kesemua aksara pertama sekali dibahagikan kepada beberapa kumpulan bergantung kepada bilangan primitifnya. Kemudian, untuk setiap kumpulan jenis primitifnya (iaitu garisan, poligon terbuka, dan poligon tertutup) digunakan untuk membahagikannya kepada subkumpulan pula. Jika subkumpulan tersebut mempunyai aksara yang mempunyai jenis primitif yang sama, maka ia akan dipecahkan melalui arah garisan atau poligon terbuka. Bilangan tepi poligon digunakan

bagi membezakan antara aksara-aksara. Klasifikasi terakhir ialah dengan membawa maklumat tentang aksara tambahan yang disimpan di dalam pangkalan pengetahuan.

Langkah kedua yang digunakan ialah pemadanan jarak minimum. Dalam peringkat ini, jika aksara ditolak atau tidak terima oleh pepohon keputusan, kesemua ciri-ciri pada aksara tersebut akan disimpan dalam tatasusunan dan akan digunakan bagi mengira jarak City Block antara ciri-cirinya dengan ciri-ciri bagi setiap set bagi templat yang tertakrif.


Untuk meminimumkan masa bagi proses pemadanan, bilangan primitif dibandingkan terlebih dahulu dengan templat. Jika perbezaannya adalah sama dengan sifar atau satu, maka jarak antara semua ciri akan dikira. Dan jika sebaliknya berlaku, perbezaannya adalah disetkan kepada nombor yang tinggi untuk memastikan pemadanan, dan templat seterusnya akan diambil kira. Setiap ciri pada aksara akan dipadankan dengan setiap ciri dalam set templat.

## HASIL YANG DIPEROLEHI

Daripada kajian ini, pengecaman akan menggunakan aksara pra-pensegmentasi. Jumlah bagi 20 ciri-ciri untuk setiap aksara primitif diasingkan daripada proses penskeletonan. Tiga dari ciri-ciri ini, iaitu jenis, arah, dan bilangan primitif, bersama aksara tambahan digunakan dalam pepohon keputusan. Jika aksara tidak dicam semasa pepohon keputusan, kesemua ciri ini akan dihantar ke proses Pemadanan Jarak Minimum untuk membandingkannya dengan set ciri yang piawai.

Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan pada kajian ini di mana kebanyakan daripada kesalahan klasifikasi akan timbul antara aksara Ra (ؑ) dan Dal (ؒ) seperti

yang ditunjukkan pada Rajah 2. Walau pun ia dapat berbeza, skeletonnya adalah hampir sama. Apabila huruf Ra menjadi kecil, aksara Ra akan kelihatan seperti Dal. Manakala apabila huruf Dal menjadi besar, aksara Dal akan kelihatan seperti Ra.



Rajah 2 : Huruf Ra dan Dal yang hampir sama.

## KESIMPULAN

Kertas persidangan ini telah memaparkan teknik baru untuk proses pensempenan dan pengecaman bagi aksara Arab. Dalam teknik pensempenan baru ini ia mengurangkan bilangan kelas bagi beberapa pemilihan bagi posisi pensempenan. Algoritma aksara tambahan berkebolehan untuk mengenepikan kesemua aksara tambahan, di mana ia menyumbang kepada pengurangan bilangan klasifikasi aksara. Peranan paling penting dalam kajian ini ialah penskeletonan dan ciri-cirinya diasangkan dengan mengambil ukuran secara terus bagi aksara-aksara Jawi. Tambahan pula, ciri-ciri mengandungi segmen garisan dan poligon.

### 2.3.2 KAJIAN 2

Tajuk : Off-line Arabic Character Recognition – A Review

Kajian oleh : M. S. Khorsheed

### METODOLOGI YANG DIGUNAKAN

Dalam kajian ini, tugas paling utama ialah untuk mengklasifikasikan objek kepada salah satu daripada beberapa kategori yang dinyatakan dalam kertas kajian ini. Terdapat beberapa teknik klasifikasi yang diaplikasikan dalam kertas kajian ini.

Antara metodologi yang digunakan dalam proses pengecaman adalah seperti Kajian 1 iaitu Pengklasifikasi Jarak Minimum dan Pengklasifikasi Pepohon Keputusan. Selain daripada itu, metodologi yang digunakan adalah Pengklasifikasi Statistik. Pengklasifikasi ini mengaggarkan beberapa kelas yang berbeza dan ciri-ciri vector yang mempunyai kemungkinan sambungan. Salah satu pendekatan yang digunakan ialah menggunakan Pengklasifikasi Bayes. Dalam Pengklasifikasi Bayes, ia meminimumkan jumlah purata kehilangan dalam mengecam corak yang tidak dapat dikenalpasti kepada satu kelas yang berkemungkinan.

Pengklasifikasi Al-Badr dan Haralick mengaplikasikan 3 langkah proses pengecaman: Pertama, sistem akan mencari bentuk primitif pada teks imej; kemudian ia akan mengesan primitif bagi perkataan. Pilihan akan menjadi salah satu daripada kemungkinan posteriori. Akhir sekali, kemungkinan bagi pemadanan akan dikira antara simbol model dan imej perkataan.

## KESIMPULAN

Kertas kajian ini telah mengulas kepada kajian terdahulu terhadap pengecaman teks Arab. Dalam kajian ini, model am untuk pengecaman teks Arab telah diketengahkan. Model ini telah dibahagikan kepada lima tahap: perolehan imej, pra-pemprosesan, pensegmentan, pengasingan ciri, dan pengklasifikasi dan pengecaman.

### 3.3 ANALISA SISTEM

Secara umum, teknologi merupakan teknologi yang untuk dan tidak untuk. Teknologi merupakan teknologi yang berfungsi di mana akhirnya hanya akan membawa untung berbalik satu permasalahan. Dengan ini, ia memerlukan tahap pergebuhan. Tambahan pula, ia ditulis dengan tanda tajuk.

## BAB 3

# ANALISA SISTEM

Analisa sistem berdasarkan empat bentuk

keterikatan seseorang dengan sistem dalam Royal 4. Ia terdiri daripada empat bentuk kaitan yang berbeza iaitu pengaruh, pengaruh dalam Royal 4, pengaruh di hadapan, dan pengaruh di belakang.



Ramah 3. Bentuk-bentuk analisa sistem berdasarkan kaitan.

Teknologi bagi Jaya Kelibat adalah teknologi sebenarnya penulis dengan perolehan yang tam. Nama mesyuarat teknologi yang ia mengalami perolehan-pemilikan diri bentuk, entang pelabur atau pengaruh. Perolehan teknologi yang kompleks termasuk perolehan teknologi dari akhir ahli perolehan teknologi penulis. Sifat-sifat yang ditunjukkan dalam Royal 4, termasuk C1 dan C2. Ia merupakan bentuk yang kompleks seumpama yang mungkin akan memberi keuntungan yang besar kepada seorang penulis pergebuhan.




Ramah 3. Bentuk-bentuk analisa sistem berdasarkan kaitan.

### 3.1 ANALISA SISTEM


Secara amnya, tulisan Jawi merupakan tulisan yang unik dan agak rumit. Tulisan Jawi merupakan tulisan yang bersambung di mana aksara-aksaranya akan bersambung untuk membentuk satu perkataan. Dengan ini, ia merumitkan proses pengecaman. Tambahan pula, ia ditulis dari kanan ke kiri.

Dalam tulisan Jawi, sesuatu aksara mungkin akan mempunyai empat bentuk kedudukan iaitu tunggal, hadapan, tengah, dan belakang. Contohnya, seperti dalam *Rajah 3* di bawah, yang menggambarkan huruf ‘Ain ( ﴿ ) yang mempunyai aksara tunggal, hadapan, tengah, dan belakang.




*Rajah 3 : Bentuk huruf ‘Ain ( ﴿ ) yang berlainan kedudukan.*

Tulisan tangan Jawi kebiasaannya berbeza antara seorang penulis dengan penulis yang lain. Maka masalah tulisan yang tidak sempurna penulisannya dari bentuk asalnya adalah mengelirukan. Bentuk aksara Jawi yang hampir serupa antara satu sama lain akan menyukarkan proses pengecaman. Seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 4*, huruf Ra ( ر ) dan Wau ( و ) mempunyai bentuk yang hampir serupa yang mungkin akan memberi keputusan yang kurang tepat semasa proses pengecaman.



*Rajah 4 : Huruf Wau dan Ra yang mempunyai bentuk yang hampir serupa.*

Ada juga terdapat huruf-huruf dalam tulisan Jawi yang mempunyai bentuk yang sama dengan huruf Jawi yang lain, tetapi huruf dan sebutannya berbeza. Ia berbeza dari sudut aksara tambahan yang wujud pada huruf Jawi tersebut, seperti bilangan titik dan hamzah dan sama ada ia berada di bahagian atas atau bawah sesuatu aksara Jawi. Contohnya huruf Fa (ف), Qaf (ق), dan Pa (ض) yang mempunyai bentuk yang sama tetapi bilangan titik yang berbeza seperti dalam Rajah 5.



Rajah 5 : Huruf Jawi yang mempunyai bentuk yang sama tetapi berbeza bilangan titik.

### 3.2 KEPERLUAN FUNGSIAN

Keperluan fungsian merupakan fungsi-fungsi atau modul yang terlibat dalam kajian ini. Keperluan fungsian bagi kajian ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- Input imej bagi kajian ini adalah dalam imej digital iaitu dalam bentuk bitmap seperti GIF, TIF, JPEG, HDF, DICOM, dan PNG.
- Proses pengurangan gangguan dan peningkatan kualiti imej meliputi proses menapis gangguan dan pengembalian imej yang lebih jelas.
- Proses segmentasi digunakan untuk mengasingkan atau memecahkan imej tulisan tangan Jawi kepada aksara-aksara tunggal.
- Pengecaman adalah proses terakhir di mana imej tulisan Jawi yang telah diasingkan akan dicam dan dipadankan dengan huruf Jawi sebenar.
- Output bagi kajian ini adalah imej huruf-huruf Jawi mewakili imej asal yang diinputkan.

### 3.3 KEPERLUAN BUKAN FUNGSIAN

Keperluan bukan fungsian adalah kekangan yang dihadapi dalam menjalankan kajian terhadap imej tulisan Jawi. Keperluan bukan fungsian disenaraikan seperti dibawah:

- Saiz imej yang diinput mestilah ditetapkan sebagai 512 x 512 piksel untuk mendapatkan imej yang lebih terang dan jelas.
- Format fail bagi menyimpan imej digital adalah dalam bentuk bitmap.
- Imej yang diinput mestilah berada dalam bentuk tahap kelabu (grayscale). Ini adalah untuk memudahkan penggunaannya dalam proses-proses dan teknik-teknik yang digunakan dalam kajian ini.

### 3.4 KEPERLUAN PERKAKASAN DAN PERISIAN

#### 3.4.1 KEPERLUAN PERKAKASAN

Keperluan perkakasan yang diperlukan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- 255 Mhz Pemproses Pentium II
- 128.0 MB RAM
- 512 KB Internal L2 Cache
- 5 GB Cakera Keras

#### 3.4.2 KEPERLUAN PERISIAN

Keperluan perisian yang diperlukan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- Microsoft Windows 98 / 2000
- MATLAB 6.1 Image Processing Tools

## BAB 4


# REKABENTUK SISTEM



#### 4.1 REKABENTUK SISTEM

Setelah kajian dijalankan ke atas beberapa kertas kajian terdahulu, beberapa teknik telah dikenalpasti bagi melaksanakan alatan bagi projek ini. Teknik-teknik tersebut adalah pengurangan gangguan (*noise reduction*), peningkatan kualiti imej (*image enhancement*), pensempenan (*segmentation*), dan pengecaman (*recognition*).

Teknik-teknik yang disebutkan di atas merupakan satu aliran proses bagi mencapai matlamat projek ini iaitu mengecam tulisan Jawi bagi menghasilkan aksara-aksara Jawi tunggal. Kita akan lihat proses-proses yang akan dilakukan ke atas tulisan tangab Jawi secara terperinci seperti pada *Rajah 6*.



*Rajah 6 : Aliran proses bagi pemprosesan imej tulisan tangan Jawi.*

Seksyen seterusnya akan menerangkan dengan lebih lanjut tentang proses-proses yang terlibat seperti *Rajah 3* di atas.

#### 4.1.1 PENDIGITALAN IMEJ

Dalam proses ini, teks tulisan Jawi yang ingin dicamkan seperti dalam bentuk buku, artifek, risalah, dan sebagainya akan diimbas menggunakan mesin pengimbas (*scanner*). Imej tulisan tangan Jawi tersebut akan disimpan dalam bentuk bitmap seperti GIF, TIF, JPEG, HDF, DICOM, dan PNG. Imej ini kemudian akan disimpan di dalam fail yang telah ditetapkan dan akan menjalani proses seterusnya. Imej yang diimbas mestilah dalam bentuk penskalaan kelabu (*grayscale*).

#### 4.1.2 PRA-PEMPROSESAN

Selepas proses pendigitalan imej, proses pra-pemprosesan imej akan dijalankan. Dalam pra-pemprosesan, proses-proses yang terlibat adalah pengurangan gangguan imej dan peningkatan kualiti imej.

##### 4.1.2.1 PENGURANGAN GANGGUAN


Imej yang diimbas kebiasaannya tidak sempurna di mana terdapat gangguan yang menganggu kelincinan sesuatu imej itu. Maka proses pengurangan gangguan imej perlu dijalankan di mana dalam projek ini, teknik yang digunakan untuk mengurangkan gangguan imej adalah Penapis Median. Penapis Median adalah berguna bagi membuang gangguan salt and pepper. Setiap piksel bagi imej tulisan tangan Jawi akan memeriksa piksel kejirananya untuk menentukan sama ada piksel berjiran itu menganggu imej tersebut atau tidak. Penapis Median akan menggantikan nilai piksel tersebut dengan nilai median bagi kesemua nilai piksel pada imej tersebut.

#### 4.1.2.2 PENINGKATAN KUALITI IMEJ

Selepas proses pengurangan gangguan, imej perlu menjalankan proses peningkatan kualiti imej. Imej akan melalui proses ini untuk mencantikkan imej yang kabur hasil dari imej yang diimbas. Selain daripada itu, imej yang terhasil daripada imbasan mungkin akan mengandungi pelbagai kekurangan. Antaranya ialah tulisan yang bercelaru iaitu terdapat getaran tangan pada tulisan, pertindihan tulisan, dan juga imej yang kurang jelas di mana tulisan tersebut mungkin hasil daripada buku-buku dan artifek-artifek lama.

Dalam proses peningkatan kualiti imej, terdapat beberapa proses yang akan dijalankan ke atas imej. Proses pertama ialah mengubah tahap kecerahan imej (*brightness adjustment*). Dalam proses ini, imej akan diubah tahap kecerahannya di mana imej mungkin tidak jelas atau gelap dan proses ini akan mengubah tahap kecerahan sesuatu imej supaya kelihatan lebih jelas. Kemudian, proses melicinkan tepian imej (*edge smoothing*) akan dijalankan. Dalam proses ini, imej mungkin mempunyai tepian yang bergerigi atau tidak rata. Maka proses melicinkan tepian imej akan dijalankan supaya imej akan lebih licin dan cantik bagi memudahkan proses seterusnya. Seterusnya, proses *threshold* akan dilakukan di mana imej berada dalam bentuk warna (RGB) dan imej tahap kelabu (*grayscale*) akan ditukarkan kepada imej penduaan (*binary*) atau imej hitam putih. Piksel yang mempunyai imej hitam akan mewakili nilai 0 manakala piksel yang mempunyai imej putih akan mewakili nilai 0. Nilai *threshold* dalam kajian ini telah ditetapkan iaitu 180. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan proses pensempenan yang akan dijalankan seterusnya.

Akhir sekali, proses *thinning* akan dilakukan. Proses ini perlu dilakukan bagi memudahkan proses segmentasi dan pengecaman. Dalam proses ini, teknik yang akan digunakan ialah teknik *erosion* dan *skeleton* yang akan menggunakan penstruktur elemen. Proses *skeleton* akan mengurangkan imej asal kepada imej bentuk garisan. Proses *erosion* pula digunakan untuk mengecilkan sempadan imej. *Rajah 7* di bawah menunjukkan tuisan tangan Jawi yang meialui proses thinning.




*Rajah 7 : Imej sebelum dan selepas proses thinning dilakukan*

#### 4.1.3 PENSEGMENAN

Proses seterusnya adalah proses pensemenan. Proses pensemenan bertujuan untuk memecahkan tulisan Jawi yang bersambung kepada tidak bersambung. Dalam proses ini, *edge detection* akan digunakan bagi mengesan sempadan bagi sesuatu imej. Dalam *edge detection*, teknik yang akan dilakukan *Sobel*. Kaedah *Sobel* digunakan bagi mengesan tepian imej tulisan Jawi yang bersambung dan tidak bersambung.

Kemudian, imej tulisan Jawi yang bersambung akan diasingkan menggunakan metod *structural feature-based*. Rajah 8 menunjukkan tulisan tangan Jawi yang melalui proses segmentasi.



Rajah 8 : Tulisan Jawi yang melalui proses segmentasi


#### 4.1.4 PENGECAMAN

Proses pengecaman merupakan proses akhir bagi kajian ini. Tulisan Jawi yang telah diasingkan kepada aksara-aksara dalam proses segmentasi akan melalui proses pengecaman. Proses pengecaman akan menentukan sama ada jenis huruf yang telah dipecahkan wujud atau tidak. Teknik yang digunakan dalam proses pengecaman adalah kod rantaian atau *chain code*. Kod rantaian adalah jujukan nombor-nombor yang mewakili bentuk asas aksara-aksara berdasarkan gambarajah lapan arah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 9. Gambarajah lapan arah kod berantai digunakan kerana imej yang diwakilinya akan kelihatan lebih licin dan sempurna. Setiap bentuk aksara akan diwakili oleh nombor-nombor dan arah dalam gambarajah tersebut. Cara bacaannya adalah mengikut putaran jam. Setelah kod rantaian diperolehi hasil daripada pembacaan


gambarajah arah bagi sesuatu aksara, proses pemadanan akan dilakukan untuk membandingkan kod rantaian yang disimpan dalam pangkalan pengetahuan dengan kod rantaian yang dibaca daripada aksara tersebut. Proses pemadanan ini dikenali sebagai *Dynamic Programming*.

Kaedah kedua yang digunakan adalah kaedah pengecaman bit. Kaedah pengecaman bit ini adalah untuk mengesan aksara tambahan. Aksara tambahan adalah terdiri daripada titik (sama ada satu, dua, atau tiga) dan hamzah (ؑ) sama ada di atas, tengah, atau di bawah aksara. Oleh kerana aksara tambahan ini bukan merupakan garisan bersambung atau bentuk, kaedah menentukan sama ada terdapat titik adalah dengan mengenalpasti setiap koordinat yang mengandungi imej atau titik seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 10*.

Namun begitu, bagi aksara tambahan hamzah, kaedah kod rantai akan digunakan memandangkan hamzah mempunyai bentuk.



*Rajah 9 : Gambarajah lapan arah kod rantaian*



Rajah 10 : Aksara tambahan dicam menggunakan kaedah pengecaman bit.

#### 4.1.4.1 PANGKALAN PENGETAHUAN

Pangkalan pengetahuan (*knowledge base*) amat diperlukan dalam proses pengecaman. Pangkalan pengetahuan akan dibina sebelum imej tulisan Jawi yang diinput menjalani proses-proses dalam kajian ini.



Pangkalan pengetahuan merupakan kamus bagi proses pengecaman yang akan menyimpan kod rantaian (*chain code*) bagi semua aksara-aksara Jawi yang mungkin sama ada aksara asas dari aksara Jawi berlainan kedudukan iaitu tunggal, belakang, tengah, dan hadapan. Data-data yang dimasukkan dalam pangkalan pengetahuan adalah kod rantaian dan bukannya bentuk imej dalam fail bitmap.

Pangkalan pengetahuan akan digunakan dalam proses pengecaman dalam proses pemadanan aksara. Proses pemadanan aksara berlaku dengan membandingkan kod rantaian pada aksara imej dengan kod rantaian yang disimpan di dalam pangkalan pengetahuan.

#### 4.1.5 KEPUTUSAN

Akhir sekali, output yang akan terhasil hasil daripada proses pengecaman ialah paparan aksara-aksara Jawi tunggal mewakili imej tulisan tangan Jawi yang diinput. Keputusan ini akan menentukan sama ada keseluruhan proses kajian ini berjaya atau tidak dan ia merangkap sebagai penentu kejayaan kajian ini.

#### 4.2 REKABENTUK ANTARAMUKA








Image Enhancement  
Thinning



Apply Thinning

Next Cancel

Image Segmentation  
Result from Thinning process:



Apply Segmentation


Next Cancel

Image Recognition  
Result from Segmentation process:



Apply Recognition

Next Cancel



## BAB 5

# ALGORITMA PENGECAMAN

## 5.1 ALGORITMA PENGECAMAN

Algoritma pengecaman imej terbahagi kepada modul-modul mengikut aliran proses seperti yang telah dinyatakan di dalam Rajah 6. Modul-modul tersebut adalah modul pemprosesan imej, proses pesegmenan, dan modul pengecaman bagi satu huruf jawi.

Di dalam modul pemprosesan imej, imej huruf jawi disimpan di dalam direktori akan dibuka dan dipaparkan. Saiz bagi imej tersebut akan ditukar kepada saiz yang ditetapkan. Seterusnya modul ini melaksanakan pengurangan gangguan pada imej dengan menggunakan penapis *median*. Penapis median digunakan bagi mengurangkan gangguan *salt and papper*. Kemudian peningkatan kualiti imej (*brightness adjustment*) akan dilakukan bagi menghasilkan imej yang lebih berkualiti. Modul ini juga merangkumi proses *thinning* dan *threshold*.

Modul pensegmentasi dijalankan terhadap satu aksara jawi yang bertujuan untuk mengasingkan aksara asas dan aksara tambahan. Seperti yang telah sedia maklum, aksara asas merupakan struktur asas bagi satu aksara jawi manakala aksara tambahan menggambarkan titik yang menentukan identiti aksara berkenaan.

